

# Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Di Daerah Muar, Negeri Johor

*Asnul Dahar Minghat<sup>1</sup> & Siti Azizah Disun<sup>2</sup>*

<sup>1</sup> Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Skudai, Johor Malaysia

---

**ABSTRAK :** Kajian deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian berdasarkan empat faktor iaitu minat, kemudahan bengkel, kerjaya dan sikap pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 43 orang pelajar tingkatan empat yang mengambil kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di dua buah sekolah menengah akademik dalam daerah Muar, Johor. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Nilai kebolehpercayaan item soal selidik daripada kajian rintis adalah 0.773. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) Window versi 12.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor kerjaya dengan nilai min 3.80 merupakan faktor yang paling mempengaruhi pemilihan pelajar, manakala tiga faktor yang lain kurang mempengaruhi pemilihan pelajar iaitu faktor minat dengan nilai min 3.66, faktor sikap dengan nilai min 3.64 dan faktor kemudahan bengkel dengan nilai min 3.44. Beberapa cadangan dikemukakan bagi memungkinkan kajian lanjutan dilakukan.

*Katakunci : Faktor, Mempengaruhi, Kursus Rekaan Dan Jahitan*

**ABSTRACT:** This study was carried out to determine the factors that influence students' selection in choosing Design and Sewing Clothes subject based on four factors, which were interest, workshop facilities, career and attitude. Respondents involved in this study were 43 form four students in National Secondary School, district of Muar, Johor. Questionnaire is used as the research instrument for this study. The reliability of the questionnaire is 0.773. Data obtained was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) Window version 12.0 to find the frequency, percentage and mean. The result shows that career is the factor which affect the students the most. The mean value for this factor is 3.80. As for interest, attitude and workshop facilities, these three factors do not show any significant affect towards the students. The mean values for these three factors are 3.66, 3.64 and 3.44. From the findings, several suggestions are proposed for further studies.

*Keywords: Factors, Influencing, Design and Sewing Clothes*

---

## 1.0 PENGENALAN

Menjelang tahun 2020, Malaysia telah meletakkan matlamat negara untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara maju berasaskan perindustrian dan berupaya untuk bersaing dengan negara-negara maju yang lain. Bagi mencapai matlamat ini, sumber tenaga manusia perlu dibangunkan dan disediakan terlebih dahulu. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi mencapai hasrat tersebut untuk perkembangan sumber manusia. Program tersebut telah disalurkan melalui Kementerian Pelajaran yang telah memperkenalkan mata pelajaran vokasional di dalam kurikulum di sekolah-sekolah akademik di beberapa buah sekolah yang terpilih. Kurikulum ini telah

dilaksanakan secara berperingkat-peringkat pada awal tahun 2002 (Utusan Malaysia, 31 Oktober 2001).

Peranan untuk melahirkan tenaga kerja mahir ini diletakkan kepada Jabatan Pendidikan teknikal yang sememangnya bertujuan untuk melahirkan tenaga pekerja dalam pelbagai bidang pekerjaan. Objektif mata pelajaran vokasional adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran lanjutan berhubung kerja-kerja ketukangan dan teknologi yang terlibat seperti Pembinaan Domestik, Pembuatan Perabot, Servis Alat Elektrik Domestik, Seni Reka Tanda, Penyajian Makanan, Landskap dan Seni Semaian, Rekaan dan Jahitan Pakaian dan sebagainya (Berita Harian, 23 April 2003).

Pertumbuhan ekonomi dan penggunaan teknologi moden ini memerlukan pengurusan sumber tenaga manusia yang mampu melaksanakannya. Kurikulum pendidikan teknik dan vokasional ini telah diselaraskan dan digubal mengikut kehendak keperluan pasaran kerja dan perubahan teknologi terkini. Matlamat pendidikan teknik dan vokasional adalah untuk melahirkan pelajar yang aktif dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi serta mempunyai sahsiah diri yang mulia. Dengan tercapainya matlamat ini, maka negara bakal memiliki aset yang paling berharga kepada perkembangan pembangunan negara dari aspek politik, ekonomi dan sosial (Nur Hafiza, 2003).

## **1.1 Latarbelakang Masalah**

Pelancaran mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah menengah akademik pada tahun 2002 merupakan satu inovasi besar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Mata pelajaran vokasional adalah satu mata pelajaran yang baru diperkenalkan di sekolah menengah akademik untuk mengatasi masalah keciciran di kalangan pelajar yang melanda dunia pendidikan negara kini (Zainon, 2003). Mata pelajaran ini adalah kesinambungan daripada komponen Kemahiran Hidup Bersepadu yang pernah diikuti oleh pelajar semasa di tingkatan 1, 2, dan 3 (Berita Harian, 23 April 2003).

Mata pelajaran vokasional (MPV) telah ditawarkan secara berperingkat sehingga dua puluh dua mata pelajaran kemahiran dalam lima bidang usaha yang dilaksanakan secara berperingkat selama empat fasa mulai tahun 2002 hingga tahun 2005 (Utusan Malaysia 31 Oktober 2001). Kurikulum MPV bertujuan untuk melahirkan pelajar berkemahiran dalam bidang usahawan yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan sendiri dan meneruskan latihan ke peringkat yang lebih tinggi. Ini adalah kurikulum berbentuk kontekstual yang boleh memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu menerusi aktiviti 'hands-on' yang berguna dalam kehidupan harian dan alam pekerjaan (Plan Induk MPV di Sekolah Harian Bagi Tahun 2002 – 2003 PPK, Januari 2003).

Walaupun peningkatan ini membanggakan, terdapat juga sesetengah golongan pelajar masih kurang berkeyakinan terhadap aliran ini. Terdapat segelintir pelajar masih berpandangan negatif terhadap sekolah dan mata pelajaran aliran vokasional dan berpendapat bahawa pendidikan teknik dan vokasional adalah pendidikan untuk kelas kedua dan untuk mereka yang kurang cemerlang dalam pelajaran (Yahya, 1996).

Punca atau sumber kefahaman pelajar mengenai pendidikan dan mata pelajaran teknik dan vokasional agak terbatas. Zakaria (1984) dalam Masria (2006) mendapati bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan PTV yang diperolehi daripada pelajar amat terbatas. Beliau merumuskan pelajar lebih mendapat maklumat melalui rakan-rakan sekolah mereka. Ini menyebabkan wujudnya pelbagai persepsi di kalangan pelajar terhadap mata pelajaran aliran vokasional.

Menurut Atan Long (1988), sering terdapat mata pelajaran yang diajar oleh guru bertentangan dengan minat pelajar. Ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak mempunyai minat

untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlaku di dalam kelas. Oleh yang demikian penyelidik berminat untuk mengkaji minat pelajar terhadap mata pelajaran vokasional Rekaan dan Jahitan Pakaian.

Kemudahan bengkel turut memainkan peranan dalam menentukan kejayaan sesuatu pembelajaran yang bercorak kerja amali ataupun teori. Kemudahan bengkel yang baik, sesuai dan teratur akan lebih menggalakkan perubahan sikap yang positif kepada pelajar. Menurut Braker (1982), makmal atau bengkel juga penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran kerja amali kerana bengkel adalah tempat untuk membina minat, membangunkan kemahiran serta memastikan pelajar dapat belajar dengan lebih perhatian dan selesa. Kajian Hamimah (2000), mendapati bahawa makmal atau bengkel di sekolah perlulah disediakan dengan persekitaran yang terancang dan memberangsangkan minat pelajar untuk kerja-kerja amali.

Maka di sinilah letaknya pokok permasalahan yang bermula dengan pemilihan kursus dan kefahaman yang secukupnya mengenai bidang pendidikan teknik dan vokasional sebelum memasuki ke kursus ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di kalangan pelajar yang sedang mengikuti kursus ini.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan statistik jumlah sekolah yang menawarkan mata pelajaran vokasional dan statistik jumlah pelajar yang mengikuti mata pelajaran vokasional di sekolah menengah akademik di negeri Johor dari tahun 2004 hingga 2008 menunjukkan berlakunya peningkatan setiap tahun. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti apakah faktor minat pelajar, kemudahan bengkel di sekolah, penentuan kerjaya pelajar dan sikap pelajar mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di daerah Muar, Johor.

## **1.3 Objektif Kajian**

Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian merupakan satu mata pelajaran baru yang di tawarkan di sekolah menengah akademik yang terpilih untuk melaksanakannya. Oleh itu, penyelidik ingin membuat tinjauan yang bertujuan untuk;

- i. Menenalpasti pengaruh minat pelajar dalam memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian.
- ii. Menenalpasti pengaruh kemudahan bengkel terhadap pelajar dalam memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian.
- iii. Menenalpasti pengaruh kerjaya terhadap pelajar dalam memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian.
- iv. Menenalpasti pengaruh sikap pelajar dalam memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

### **2.1 Mata Pelajaran Vokasional**

Mata pelajaran vokasional diperkenalkan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dalam bidang usahawan yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka menceburi bidang pekerjaan, perniagaan dan meneruskan latihan ke peringkat yang lebih tinggi. Program ini menawarkan dua puluh dua mata pelajaran yang di kelompokkan dalam lima bidang usaha

iaitu binaan, pembuatan, teknologi, ekonomi rumah tangga dan aplikasi komputer. Penawaran pelbagai mata pelajaran ini di rancang berperingkat-peringkat mulai tahun 2002 sehingga tahun 2005. Objektif mata pelajaran vokasional ialah;

- i. Memberi peluang yang luas kepada pelajar memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat mereka.
- ii. Membekalkan kemahiran vokasional terutamanya kepada pelajar yang cenderung dalam ketukangan atau kerja tangan.
- iii. Memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah menengah akademik.
- iv. Sebagai persediaan awal memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam perindustrian negara.

## **2.2 Mata Pelajaran Rekaan dan Jahitan Pakaian**

Rekaan dan Jahitan Pakaian adalah satu daripada mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah akademik. Ia merupakan satu mata pelajaran amali yang berteraskan teknologi untuk tingkatan empat dan tingkatan lima. Mata pelajaran ini adalah lanjutan dan peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah rendah. Penggubalan mata pelajaran ini yang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dirancang untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara dengan membekalkan tenaga mahir yang berpengetahuan dalam bidang fesyen.

Penawaran mata pelajaran ini merupakan sebahagian usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah akademik. Persediaan awal ini adalah untuk memenuhi keperluan permintaan tenaga pekerja mahir dan separa mahir dalam pelbagai bidang industri yang semakin meningkat seperti pembinaan bangunan, automotif, elektrik elektronik, perabot, komputer dan multimedia, penghasilan makanan, perkhidmatan hospitaliti, perikanan dan haiwan, pelandskapan, tekstil dan pakaian, hiasan dalaman, dan perkhidmatan penjagaan.

Dalam kurikulum Rekaan dan Jahitan Pakaian tumpuan diberikan kepada pelbagai kemahiran dalam Rekaan dan Jahitan Pakaian yang merangkumi tiga unsur utama iaitu mereka pakaian, mendraf dan mengubahsuai pola, dan menjahit pakaian. Penekanan juga diberikan kepada kreativiti murid dalam menghasilkan pakaian seperti blaus, kemeja, skirt, slek dan baju tradisional. Murid juga digalakkan merebut peluang kerjaya dalam industri pembuatan dan rekaan pakaian. Penerapan nilai murni, sikap positif dan budaya kerja yang baik turut disepadukan dalam mata pelajaran ini.

## **2.3 Faktor Minat**

Dalam proses pembelajaran, sekiranya pelajar tidak berminat dengan satu mata pelajaran itu, ia akan menghasilkan pembelajaran yang tidak berkesan seterusnya akan menyebabkan pencapaian pelajar itu jatuh. Menurut Fryklund (1950) dalam kajian Ailis (1997), minat yang timbul dalam diri seseorang pelajar akan mempengaruhi proses pembelajaran. Apabila seseorang itu berminat maka individu itu akan bertambah tekun bagi mencapai kejayaan. Ini disokong oleh kajian Khashiatul-Fauziah (2003), yang menyatakan bahawa minat adalah segalanya yang membawa maksud walaupun seseorang itu mempunyai kebolehan dalam melakukan kerja tetapi disebabkan faktor minat, seseorang itu akan mudah menguasai bidang tersebut.

Hasil dapatan Roshidah (2001), minat boleh menentukan apa yang hendak dilakukan . Kenyataan ini dapat menjelaskan bahawa minat yang ada dalam diri pelajar akan dapat menjadi pendorong kepada pelajar untuk menghasilkan sesuatu kerja dengan baik. Pentingnya minat perlu ada pada diri pelajar disokong oleh Ee Ah Meng (1996), yang menyatakan pelajar di dalam bilik darjah adalah berbeza dari segi minat, kelebihan dan bakat. Oleh itu, apa yang dapat menarik minat seseorang pelajar mungkin gagal menarik minat pelajar yang lain. Minat ini memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan sesuatu proses pembelajaran dan ianya amat mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar itu sendiri.

## **2.4 Kemudahan Bengkel**

Kemudahan bengkel seperti peralatan tangan, mesin-mesin, bahan mentah, ruang kerja, alat bantu mengajar, pengudaraan dan pencahayaan adalah merupakan aspek yang penting dalam merealisasikan pengajaran amali Rekaan dan Jahitan Pakaian di bengkel. Seandainya, kemudahan bengkel yang sedia ada di sekolah masih belum mencukupi, ini akan mendatangkan masalah kepada pelajar untuk menjalankan kerja amali. Sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan bengkel untuk menjalankan kerja-kerja amali akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar-pelajar terpaksa berkongsi peralatan untuk menjalankan aktiviti amali. Ini akan menimbulkan permasalahan dikalangan pelajar-pelajar untuk menyiapkan sesuatu projek.

Menurut Lee (1992), kemudahan dan peralatan perlu dikendalikan dengan secukupnya dan dijaga dengan sempurna supaya tidak akan mengganggu pengajaran. Pendapat ini disokong oleh Torge dalam Aminuddin (1997), yang menyatakan bahawa mutu program vokasional bergantung secara langsung kepada perkakasan dan peralatan yang digunakan dalam program ini. Namun apa yang berlaku di sekolah-sekolah menengah akademik, masih terdapat kekurangan peralatan untuk menjalankan kerja-kerja amali. Jika keadaan ini berterusan, ia akan mengganggu aktiviti pelajar dalam kerja-kerja amali.

Ee Ah Meng (1996), pula menjelaskan bahawa kemudahan bengkel yang terlalu sesak juga boleh mewujudkan masalah dalam pembelajaran. Begitu juga dengan keadaan yang terlalu gelap atau cahaya yang tidak mencukupi juga akan menyebabkan pelajar-pelajar berasa kurang selesa dengan kerusi dan meja yang tidak mencukupi. Pendapat ini disokong oleh Schoggen dalam Saharudin (1994), persekitaran yang terhad atau sempit akan menjejaskan keselesaan individu yang berada di tempat tersebut. Ini termasuklah ruang di dalam bengkel, susun atur peralatan seperti meja kerja, mesin-mesin dan sebagainya perlu diambil kira mengikut bilangan pelajar yang menggunakan peralatan tersebut. Ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang selesa kepada semua pelajar.

Menurut Mohd Akebal dalam Haryati (2003), beliau menyatakan bahawa untuk mengikut latihan bengkel yang efektif, suasana kerja dan mesin mestilah berkeadaan baik. Selain itu, ruang kerja, pencahayaan, mesin-mesin dan juga alatan hendaklah mencukupi bagi menampung bilangan pelajar yang menjalankan latihan amali. Dengan itu, kemudahan bengkel memainkan peranan yang penting dalam kejayaan pembelajaran kerja amali Rekaan dan Jahitan Pakaian.

## **2.5 Faktor Kerjaya**

Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian merupakan salah satu mata pelajaran yang menggabungkan antara teori dan amali. Matlamat kerja amali Rekaan dan Jahitan Pakaian

adalah untuk memberi kemahiran yang merangkumi tiga unsur utama iaitu mereka pakaian, mendraf dan mengubahsuai pola, dan menjahit pakaian. Penekanan juga diberikan kepada kreativiti murid dalam menghasilkan pakaian seperti blaus, kemeja, skirt, seluar dan baju tradisional. Peningkatan kemahiran ini tertumpu kepada kemahiran yang dijalankan melalui aktiviti-aktiviti yang berbentuk projek. Kerja-kerja amali ini merupakan komponen penting dalam pembelajaran yang berteraskan sains dan kemahiran (Newable dan Cannon, 1989).

Kefahaman pelajar terhadap pembelajaran kerja amali penting kerana persepsi seseorang mengenai sesuatu situasi akan menentukan kefahaman dan tingkahlakunya dalam situasi tersebut (Sharifah Alwiyah, 1989). Berdasarkan dapatan kajian Chan Siew Lian (1991), pelajar dapat menikmati keseronokkan daripada kerja amali yang mereka lakukan. Hal ini kerana mereka dapat melihat secara realistik penyelesaian yang dilakukan terhadap sesuatu masalah. Ini akan memberi kepuasan kepada emosi di samping dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Kerja amali juga akan dapat melatih mereka untuk bekerja dengan lebih kemas dan bersistematik. Selain itu, kerja amali juga dapat membantu mereka mempraktikkan teori yang mereka pelajari. Disamping itu, kerja amali juga bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran asas yang berfungsi serta dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Menurut Suradi (1998), adalah penting bahawa anak-anak muda diberikan maklumat tentang pekerjaan agar mereka dapat membuat persediaan awal sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Sekiranya mereka tidak diberikan maklumat yang sebenar dan hanya mendengar dari sumber yang salah, dikhuatiri mereka gagal menyesuaikan diri dan seterusnya gagal untuk bekerja dengan baik dan sempurna. Persediaan yang dimaksudkan adalah merangkumi banyak aspek seperti persediaan mental dan fizikal kerana pelajar-pelajar ini akan berhadapan dengan masyarakat.

Menurut Zakaria (1994), pendidikan dan latihan vokasional dikira baik apabila dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar apabila tamat persekolahan. Proses pendidikan dan latihan vokasional mengamalkan konsep yang sama seperti mana situasi pekerjaan yang sebenar termasuk penggunaan pelbagai peralatan untuk tujuan kemahiran dan penekanan terhadap aspek-aspek keselamatan semasa menjalankan kerja. Penyesuaian kepada situasi kerja yang sebenar perlu diterapkan kepada pelajar supaya amalan tersebut dapat dipraktikkan apabila mereka menceburi bidang pekerjaan.

Menurut Robiah (1993), pelajar-pelajar perlu diberi bimbingan dalam memilih kerjaya dan mengamalkan budaya kerja yang baik kerana hanya kerjaya yang sesuai dengan personaliti dan keperluan diri seseorang itu boleh menjamin kepuasan kerja. Secara tidak langsung ianya akan mendorong pekerja itu sendiri bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh tanpa perlu dipaksa.

Setiap pekerja akan terdorong kepada pemilihan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Pada kebiasaannya masalah kewangan akan memberi tindak balas terhadap kepuasan kerja. Menurut Herzberg (1966), seseorang individu itu tertarik kepada sesuatu pekerjaan kerana terdapat beberapa ciri-ciri yang menarik seperti latar belakang pekerjaan, pangkat, bentuk kerja dan ganjaran.

## **2.6 Faktor Sikap**

Lindquist (1990) yang dipetik dalam Abdullah (1999), menyatakan bahawa sikap akan mempengaruhi kesediaan dan kesungguhan untuk belajar dan pelajar yang mempunyai keyakinan sendiri yang tinggi akan sentiasa bersikap positif. Menurut Kadir (1994) yang dipetik dari Abdullah (1999), beliau telah menyenaraikan sikap positif iaitu tumpuan penuh semasa pembelajaran, kesediaan dan suka membuat latihan tambahan yang diberikan oleh guru, sanggup meluangkan masa untuk mengulangkaji di rumah atau di sekolah, sering

berinteraksi dengan guru serta suka bertanya apabila menghadapi masalah, sentiasa menantikan kelas untuk mata pelajaran yang diminati, berminat dan merasa gembira ketika menyelesaikan masalah atau latihan yang diberikan oleh guru dan mempunyai keyakinan sendiri yang tinggi terhadap kebolehan mempelajari sesuatu mata pelajaran.

Shahabudin (2003), menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai sifat bertanggungjawab akan lebih giat dalam setiap aktiviti pembelajaran berbanding mereka yang tidak bertanggungjawab. Menurut beliau lagi, dengan adanya sifat tanggungjawab menyebabkan wujudnya keazaman yang tinggi dalam diri pelajar tersebut. Oleh itu, pelajar yang mempunyai sifat sabar dan terbuka menunjukkan kesediaan mereka terhadap tanggungjawab mereka untuk menghasilkan sesuatu projek yang berkualiti serta memperoleh gred yang cemerlang.

Menurut Syarifah Alawiyah (1989), sikap merupakan keadaan manusia yang bertindak secara positif atau negatif terhadap orang lain, idea atau sesuatu kejadian. Sikap adalah perasaan, tingkah laku, pendapat atau penilaian terhadap persekitaran. Ia berubah-ubah dari segi keadaannya iaitu boleh positif atau negatif.

### **3.0 METOD**

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian adalah berfungsi sebagai panduan dalam sesuatu penyelidikan untuk mencapai jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian (Kerlinger, 1994). Ia amat mustahak kepada penyelidik di dalam menentukan hala tuju kajiannya supaya setiap langkah yang perlu diambil semasa proses pelaksanaan kajian tersusun secara sistematik dan boleh direalisasikan.

Kajian yang dijalankan adalah jenis deskriptif (keperihalhan) iaitu satu tinjauan secara soal selidik. Menurut Mohd Majid (1993), kajian deskriptif bermatlamat untuk menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku dan untuk menerokai satu bidang yang belum atau kurang dikaji oleh penyelidik sebelumnya. L.R.Gray (1996,) menyatakan bahawa penyelidikan deskriptif melibatkan pengumpulan data untuk mengkaji hipotesis atau menjawab soalan berkaitan dengan status subjek yang dikaji pada satu masa.

#### **3.2 Sampel Kajian**

Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar tingkatan empat yang sedang mengikuti kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di dua buah sekolah di daerah Muar, Johor iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahkota dan Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Bunga. Menurut Mohd Najib (1999), populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Oleh itu pelajar-pelajar ini dipilih kerana mereka dapat memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh penyelidik iaitu mereka sedang mengikuti kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan seluruh populasi sebagai subjek kajian. Menurut Sidik (2002), dengan menggunakan keseluruhan semua populasi sebagai subjek kajian, keputusan yang diperolehi adalah tepat kerana tiada ralat persampelan berlaku. Menurut Mohd Majid (1993). Persampelan merupakan satu proses mendapatkan sampel bagi mewakili populasi.

Disebabkan penyelidik mampu menggunakan semua populasi, maka masalah persampelan tidak berlaku. Bilangan keseluruhan populasi adalah seramai 43 orang pelajar. Jumlah pelajar bagi setiap sekolah ini diperolehi melalui data bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran vokasional yang didapati dari Unit Maklumat, Jabatan Pelajaran Johor.

### 3.3 Lokasi Kajian

Bagi mendapatkan maklumat untuk kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian ke atas dua buah sekolah di daerah Muar, Johor iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahkota dan Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Bunga. Sekolah-sekolah ini dipilih kerana bersesuaian untuk tujuan penyelidikan memandangkan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian yang ditawarkan kepada para pelajar dan juga mengambil kira faktor-faktor lain bagi memudahkan pihak penyelidik.

Menurut Mohd Najib (1999), penggunaan seluruh individu atau semua objek dalam sesuatu populasi akan melibatkan tenaga, perbelanjaan dan masa yang banyak bagi melaksanakan sesuatu penyelidikan. Oleh itu penyelidik memilih tempat kajian di daerah Muar, Johor kerana penyelidik dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga. Hal ini kerana penyelidik tinggal di daerah Muar, Johor.

### 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat penting untuk memperolehi maklumat bagi mencapai objektif kajian. Ia juga dapat menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidikan, (Mohd Najib, 1999). Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang telah diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas. Menurut Mohd Najib (1999), kaedah tinjauan menggunakan soal selidik adalah salah satu kaedah yang paling popular digunakan di kalangan penyelidik kerana mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data juga senang diproses untuk dianalisis.

Menurut Mohd Majid (1993), soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan digunakan bagi populasi yang besar. Keupayaan soal selidik menggunakan sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas responden terhadap rangsangan soalan yang diberi. Gerak balas atau jawapan yang diberi oleh responden tidak dipengaruhi oleh personaliti, tingkah laku penyelidik dan cara penyelidikan. Responden juga merasa dirinya selamat untuk memberi jawapan yang tepat dan benar terhadap rangsangan.

Item-item kajian dibina dan diubahsuai supaya bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Ini dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian. Instrumen soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

### 3.5 Kajian Rintis

Menurut Mohd Najib (1999), kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi responden memberi jawapan. Dengan menggunakan beberapa kaedah, kebolehpercayaan terhadap soal selidik yang dibina oleh penyelidik boleh diuji. Ada beberapa model kepercayaan yang boleh digunakan iaitu Model *Split-Half*, Model *Guttman*, Model *Paralled*, Model *Script Paraller*



dan Model *Cronbach Alpha* (Mohd Salleh dan Zaidatun, 2001). Penyelidik telah menggunakan Model *Cronbach Alpha* bagi tujuan menguji skala kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Kajian rintis telah dijalankan pada 28 Januari 2008, yang melibatkan 10 orang pelajar yang mengambil kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Daya, Johor. Menurut Najib (1999), saiz sampel untuk kajian rintis tidak perlu besar, memadai 6 hingga 10 orang sahaja. Mereka dipilih secara rawak untuk melihat kebolehpercayaan item-item soal selidik.

Setelah kajian rintis dijalankan, perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Window* versi 12.0 telah digunakan untuk memproses data-data yang diterima dari responden bagi menguji kebolehpercayaannya. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* melebihi 0.6 mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi (Mohd Saleh dan Zaidatun, 2001). Manakala menurut Mohd Najib (1999), jika pekali *Cronbach Alpha* di antara 0.8 hingga 1.0 diperoleh, bermakna item kajian itu boleh diterima dan tidak perlu ditukar dengan item lain.

Oleh yang demikian, penyelidik mematuhi indeks kebolehpercayaan yang dinyatakan oleh Mohd Saleh dan Zaidatun (2001). Keputusan analisis menunjukkan nilai *Alpha* (α) yang diperolehi ialah 0.773 iaitu mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi. Berdasarkan keputusan ini, penyelidik boleh menjalankan kajian sebenar.

## 4.0 ANALISIS DATA

### 4.1 Analisis Data Bahagian A (Latar Belakang Responden)

**Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Jantina**

Jantina	Kekerapan	Kekerapan
Lelaki	0	0
Perempuan	43	100
<b>Jumlah</b>	<b>43</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual di atas, didapati 43 responden (100 peratus) adalah perempuan dan tiada responden lelaki yang terlibat. Ini menunjukkan bahawa hanya pelajar perempuan yang mengikuti kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di dua buah sekolah ini.

## 4.2 Analisis Persoalan Kajian Pertama

### 4.2.1 “Apakah faktor minat mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di Daerah Muar, Johor?”

**Jadual 2** : Analisis Kekerapan, Peratusan dan Min Bagi Faktor Minat Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian

Saya memilih kursus rekaan dan jahitan pakaian kerana:						
No item	Pernyataan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min	Tahap
		Bil %	Bil %	Bil %		
1	Saya terpengaruh program TV yang berkaitan dengan dunia fesyen	2 (4.7)	0	41 (95.3)	3.91	Tinggi
5	Saya terpengaruh dengan buku /majalah berkaitan dengan fesyen pakaian	16 (37.2)	0	27 (62.8)	3.26	Sederhana
9	Saya suka mata pelajaran berkaitan teknikal dan kerja amali	5 (11.60)	0	38 (88.4)	3.77	Tinggi
13	Saya suka membuat lakaran idea rekaan pakaian yang saya impikan	16 (37.2)	0	27 (62.8)	3.26	Sederhana
17	Saya suka melakukan kerja yang menggunakan kemahiran	6 (14)	1 (2.3)	36 (83.7)	3.70	Tinggi
21	Saya suka menjahit	1 (2.3)	1 (2.3)	41 (95.3)	3.93	Tinggi
25	Saya memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian atas kehendak saya	4 (9.3)	0	39 (90.7)	3.81	Tinggi
29	Saya berasa seronok ketika mengikuti kelas Rekaan dan Jahitan Pakaian	6 (14)	2 (4.7)	35 (81.4)	3.67	Sederhana
<b>Purata min</b>					<b>3.66</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan kajian penyelidikan bagi mengenalpasti faktor minat dalam pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di kalangan pelajar. Nilai min menunjukkan bahawa item 1 memperolehi min pada tahap tinggi iaitu 3.91 dengan 41 responden (95.3 peratus) bersetuju dengan item tersebut.

Berdasarkan analisis bagi persoalan kajian pertama iaitu untuk mengenalpasti pengaruh minat dalam pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian, item 21 menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 3.93 manakala item 5 dan 13 memperolehi nilai min terendah iaitu 3.26. Secara keseluruhannya, purata min bagi persoalan kajian pertama berada pada tahap sederhana iaitu 3.66.

### 4.3 Analisis Persoalan Kajian Kedua

#### 4.3.1 “Apakah faktor kemudahan bengkel mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di Daerah Muar, Johor?”

**Jadual 3** : Analisis Kekekapan, Peratusan dan Min Bagi Faktor Kemudahan Bengkel Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian

Saya memilih kursus rekaan dan jahitan pakaian kerana:						
No item	Pernyataan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min	Tahap
		Bil %	Bil %	Bil %		
2	Peralatan dan mesin yang terdapat di dalam bengkel berfungsi dengan baik	37 (86)	0	6 (14)	2.28	Rendah
6	Saya gemarkan suasana bengkel Rekaan dan Jahitan Pakaian yang selesa	5 (11.6)	1 (2.3)	37 (86)	3.74	Tinggi
10	Saya tidak perlu berkongsi mesin dengan dengan rakan untuk melakukan kerja amali	18 (41.9)	3 (7)	22 (97.7)	3.09	Tinggi
14	Susunan meja kerja di bengkel Rekaan dan Jahitan Pakaian adalah teratur	1 (2.3)	0	42 (97.7)	3.95	Tinggi
18	Susun atur mesin dalam bengkel Rekaan dan Jahitan Pakaian di sekolah adalah sesuai untuk melakukan kerja amali	23 (53.5)	2 (4.7)	18 (41.9)	2.88	Sederhana
22	Sumber pencahayaan dan peredaran udara dalam bengkel Rekaan dan Jahitan Pakaian di sekolah adalah baik dan selesa	4 (9.3)	0	39 (90.7)	3.81	Tinggi
26	Peralatan tangan di dalam bengkel sentiasa tersusun kemas	2 (4.7)	1 (2.3)	40 (93)	3.88	Tinggi
30	Peralatan tangan seperti gunting, pembaris dan tali pengukur di dalam bengkel memudahkan saya melakukan kerja amali	3 (7)	0	40 (93)	3.86	Tinggi
<b>Purata min</b>					<b>3.44</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan kajian penyelidik bagi mengenalpasti faktor kemudahan bengkel dalam pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di kalangan pelajar. Nilai min menunjukkan bahawa item 2 memperoleh min pada tahap rendah iaitu 2.28 dengan 37 responden (86 peratus) tidak bersetuju dengan item tersebut.

Berdasarkan analisis bagi persoalan kajian dua iaitu mengenai faktor kemudahan bengkel menunjukkan nilai min pada tahap sederhana iaitu 3.44. Item 14 menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 3.95 manakala item 2 menunjukkan nilai min terendah iaitu 2.28.

#### 4.4 Analisis Persoalan Kajian Ketiga:

##### 4.4.1 “Apakah faktor kerjaya mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di Daerah Muar, Johor?”

**Jadual 4** : Analisis Keckerapan, Peratusan dan Min Bagi Faktor Kerjaya Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian

Saya memilih kursus rekaan dan jahitan pakaian kerana:						
No item	Pernyataan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min	Tahap
		Bil %	Bil %	Bil %		
3	Saya bercita-cita untuk menjadi seorang tukang jahit yang mahir di masa depan.	3 (7)	1 (2.3)	39 (90.7)	3.84	Tinggi
7	Pelajar lepasan kursus aliran vokasional mempunyai peluang pekerjaan yang baik	7 (16.3)	3 (7.0)	33 (76.7)	3.61	Sederhana
11	Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian mendorong saya untuk menghasilkan fesyen pakaian yang baru di masa hadapan.	3 (7)	2 (4.7)	38 (88.4)	3.81	Tinggi
15	Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian berkaitan dengan kerjaya yang saya cita-citakan	6 (14)	1 (2.3)	36 (83.7)	3.70	Tinggi
19	Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian memberikan persediaan yang cukup kepada saya ke alam pekerjaan	4 (9.3)	1 (2.3)	38 (88.4)	3.79	Tinggi
23	Kemahiran Rekaan dan Jahitan Pakaian yang dipelajari di sekolah memang diperlukan dalam bidang pembuatan pakaian	2 (4.7)	1 (2.3)	40 (93)	3.88	Tinggi
27	Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian memberikan peluang kepada saya untuk menjadi usahawan yang berjaya	0	2 (4.7)	41 (95.3)	3.95	Tinggi
31	Latihan amali kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian dapat membantu saya apabila bekerja terutama dalam bidang rekaan pakaian.	4 (9.3)	0	39 (90.7)	3.81	Tinggi
<b>Purata min</b>					<b>3.80</b>	<b>Tinggi</b>

Daripada jadual 4 di atas dapat dilihat bahawa perbezaan tahap min bagi item yang dikemukakan dalam persoalan kajian ketiga di mana majoriti nilai min berada pada tahap tinggi iaitu di antara 3.70 hingga 3.95 dan satu nilai min berada pada tahap sederhana iaitu 3.61.

Pada keseluruhan nilai min bagi persoalan kajian tiga iaitu apakah faktor kerjaya mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian adalah berada pada tahap tinggi dengan purata nilai min sebanyak 3.80. Hasil kajian mendapati sebanyak 88.36 peratus yang menjawab setuju, 3.2 peratus responden tidak pasti dan 8.45 peratus menjawab tidak setuju.

## 4.5 Analisis Persoalan Kajian Keempat:

### 4.5.1 “Apakah faktor sikap mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di Daerah Muar, Johor?”

**Jadual 5** : Analisis Kekekapan, Peratusan dan Min Bagi Faktor Sikap Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian

Saya memilih kursus rekaan dan jahitan pakaian kerana:						
No item	Pernyataan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min	Tahap
		Bil %	Bil %	Bil %		
4	Saya bersedia untuk membuat fesyen pakaian yang baru	0	1 (2.30)	42 (97.7)	3.98	Tinggi
8	Saya bersedia mengikuti kerja amali Rekaan dan Jahitan Pakaian	3 (7.0)	2 (4.7)	38 (88.4)	3.81	Tinggi
12	Saya sentiasa mengikuti perkembangan fesyen di negara kita	4 (9.3)	0	39 (90.7)	3.88	Tinggi
16	Saya yakin dengan kebolehan saya untuk mereka fesyen pakaian yang bar	2 (4.7)	1 (2.3)	40 (93)	3.88	Tinggi
20	Saya sentiasa ingin mempelajari sesuatu perkara yang baru	10 (23.3)	2 (4.7)	31 (72.1)	3.49	Sederhana
24	Saya bersedia untuk menerima cabaran dalam bidang yang baru	7 (16.3)	1 (2.3)	35 (81.4)	3.65	Sederhana
28	Saya bersedia dikritik dalam kerja yang saya lakukan	0	1 (2.3)	42 (97.7)	3.98	Tinggi
32	Saya sanggup membuat bacaan tambahan untuk mengikuti perkembangan fesyen	31 (72.1)	1 (2.3)	11 (25.6)	2.53	Sederhana
<b>Purata min</b>					<b>3.64</b>	<b>Sederhana</b>

Berdasarkan jadual di atas, item 4 dan 28 memperoleh nilai min tertinggi iaitu 3.98 berbanding item-item lain. Hasil daripada analisis yang dibuat mendapati tiada responden yang menjawab tidak setuju dan 42 responden (97.7 peratus) menjawab setuju dengan pernyataan item-item tersebut.

Pada keseluruhan nilai min bagi persoalan kajian keempat berhubung faktor sikap dalam pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian, berada pada tahap sederhana dengan purata nilai min sebanyak 3.64. Hasil kajian mendapati item 4 dan 28 memperoleh nilai min tertinggi iaitu 3.98 manakala item 32 memperoleh nilai min terendah iaitu 2.53.

## **5.0 PERBINCANGAN**

### **5.1 Faktor Minat Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Pakaian**

Minat sering dikaitkan dengan pengaruh utama seseorang individu untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Dalam pemilihan kursus, faktor minat merupakan aspek yang penting agar semangat dan kesungguhan pelajar mengikuti sesuatu kursus itu terus meningkat. Tanpa minat pelajar sukar untuk mencapai kejayaan dalam bidang atau kursus yang diikuti. Minat yang mendalam terhadap sesuatu kursus akan menjadi perangsang kepada pelajar untuk melakukan yang terbaik bagi mencapai kejayaan. Menurut Khashiatul-Fauziah (2003), minat adalah satu kecenderungan bagi seseorang individu untuk mengetahui, mempelajari dan menceburi sesuatu perkara yang menjuruskan mereka kepada pilihan yang diinginkan. Bagi menjawab persoalan kajian pertama iaitu pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di daerah Muar, Johor dari segi faktor minat, nilai purata min 3.66 adalah berada pada tahap yang sederhana. Analisis mendapati terdapat item yang berada pada tahap sederhana dan tinggi bagi persoalan kajian ini.

Hasil analisis item 21, "Saya suka menjahit" memperoleh nilai min tertinggi iaitu 3.93 pada tahap tinggi di mana 95.3 peratus responden bersetuju bahawa mereka suka menjahit. Keadaan ini memberi satu kelebihan dan mendorong mereka lebih bersemangat untuk mengikuti kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian serta dapat menghasilkan projek yang baik. Pernyataan ini selaras dengan dapatan kajian Khashiatul-Fauziah (2003), yang menyatakan bahawa minat adalah segalanya. Iaitu membawa maksud walaupun seseorang itu mempunyai kebolehan dalam melakukan kerja tetapi disebabkan faktor minat, seseorang itu lebih mudah untuk menguasai bidang tersebut.

Walau bagaimanapun, analisis item 13 memperoleh nilai min pada tahap rendah iaitu 3.26 di mana 37.2 peratus pelajar tidak bersetuju bahawa mereka suka membuat lakaran idea rekaan pakaian yang mereka impikan. Ini menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang kurang berminat dan mengambil mudah tugas mereka dalam menghasilkan satu projek rekaan pakaian yang baik. Bertepatan dengan kenyataan Mohd Salleh (1996), minat yang ada dalam diri pelajar akan dapat menjadi pendorong kepada pelajar untuk menghasilkan sesuatu kerja dengan baik, tetapi jika seseorang tidak berminat melakukan sesuatu kerja sebaliknya melakukan kerja itu atas paksaan orang lain maka sudah pasti kerja tersebut tidak akan memuaskan walaupun ia dapat diselesaikan. Hal ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi pencapaian individu tersebut.

Secara keseluruhannya, faktor minat terhadap pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian adalah di tahap sederhana berdasarkan daripada nilai min yang telah di perolehi iaitu 3.66. Oleh itu, tindakan perlu diambil oleh pihak tertentu untuk memastikan minat pelajar untuk memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian dapat di pertingkatkan lagi. Hal ini penting kerana tanpa minat pelajar tidak akan mampu mencapai kejayaan dalam kursus yang diikuti. Bertepatan dengan pendapat Ralph Tyler dalam Kamaruddin dan Hazli (1990), minat adalah sesuatu perkara penting dalam pendidikan sebagai kuasa pendorong berhubung dengan pengalaman untuk mencapai objektif.

### **5.2 Faktor Kemudahan Bengkel Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Pakaian**

Menurut Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Johor (2000) dalam (Siti Mazizah, 2001), bengkel atau makmal atau bilik khas adalah satu tempat atau ruang untuk guru

menyampaikan pelajaran dan pelajar membuat latihan amali. Kemudahan bengkel seperti ruang yang selesa, sistem pencahayaan dan pengudaraan berada dalam keadaan baik amat penting supaya suasana pembelajaran menjadi lebih kondusif. Kemudahan yang lain seperti peralatan, bahan yang mencukupi dan sentiasa berada dalam keadaan baik penting supaya aktiviti pembelajaran tidak terganggu. Bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di daerah Muar, Johor dari segi faktor kemudahan bengkel, nilai purata min 3.44 berada pada tahap yang sederhana. Analisis mendapati terdapat item yang berada pada tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi persoalan kajian ini.

Kemudahan bengkel seperti peralatan tangan, mesin-mesin, bahan mentah, ruang kerja, alat bantu mengajar, pengudaraan dan pencahayaan merupakan aspek yang penting dalam merealisasikan pengajaran amali Rekaan dan Jahitan Pakaian di bengkel. Seandainya kemudahan bengkel yang sedia ada di sekolah masih belum mencukupi, ini akan mendatangkan masalah kepada pelajar untuk menjalankan kerja amali. Bagi item 2, nilai min adalah yang terendah iaitu 2.28 di mana 86 peratus responden tidak bersetuju bahawa peralatan dan mesin yang terdapat di dalam bengkel berfungsi dengan baik. Ini menunjukkan bahawa kemudahan peralatan dan mesin yang disediakan di bengkel Rekaan dan Jahitan Pakaian tidak berfungsi dengan baik dan secara tidak langsung keadaan ini boleh mempengaruhi pemilihan pelajar untuk mengikuti kursus ini. Selaras dengan kenyataan Lee (1992), kemudahan dan peralatan perlu dikendalikan dengan secukupnya dan dijaga dengan sempurna supaya tidak akan mengganggu pengajaran. Pendapat ini disokong oleh Torge dalam Aminuddin (1997), yang menyatakan bahawa mutu program vokasional bergantung secara langsung kepada perkakasan dan peralatan yang digunakan dalam program ini.

Selain itu, item 18 juga memperolehi nilai min yang rendah iaitu 2.88 yang berada pada tahap sederhana di mana 53.5 peratus responden tidak bersetuju bahawa susun atur mesin dalam bengkel Rekaan dan Jahitan Pakaian di sekolah adalah sesuai untuk melakukan kerja amali. Susun atur mesin yang teratur dan kemas adalah penting untuk memberi keselesaan kepada pelajar untuk bergerak semasa melakukan kerja amali. Ini selaras dengan kenyataan Ee Ah Meng (1996), bahawa kemudahan bengkel yang terlalu sesak boleh menimbulkan masalah dalam pembelajaran. Pendapat ini disokong oleh Schoggen dalam Saharudin (1994), bahawa persekitaran yang terhad atau sempit akan menjejaskan keselesaan individu yang berada di tempat tersebut. Ini termasuklah ruang di dalam bengkel, susun atur peralatan seperti meja kerja, mesinmesin dan sebagainya perlu diambil kira mengikut bilangan pelajar yang menggunakan peralatan tersebut. Ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang selesa kepada semua pelajar.

Secara keseluruhannya, faktor pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian dari aspek kemudahan bengkel adalah pada tahap sederhana iaitu 3.44. Nilai ini menunjukkan bahawa kemudahan bengkel yang disediakan adalah tidak dapat memenuhi keperluan pelajar. Pihak-pihak yang terlibat perlu meningkatkan lagi kemudahan yang sedia ada kerana kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian adalah kursus yang menawarkan kerja amali dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlaku di bengkel. Menurut Mohd Akebal dalam Haryati (2003), untuk mengikut latihan bengkel yang efektif, suasana kerja dan mesin mestilah berkeadaan baik. Selain itu, ruang kerja, pencahayaan, mesin-mesin dan juga alatan hendaklah mencukupi bagi menampung bilangan pelajar yang menjalankan latihan amali. Dengan itu, kemudahan bengkel memainkan peranan yang penting dalam kejayaan pembelajaran kerja amali Rekaan dan Jahitan Pakaian.

### 5.3 Faktor Kerjaya Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Pakaian

Pemilihan kursus di dalam pendidikan pada masa sekarang turut dipengaruhi oleh faktor kerjaya yang ingin ceburi oleh setiap pelajar. Kebanyakan pelajar akan memilih untuk mengikuti sesuatu kursus yang berkaitan dengan cita-cita mereka. Ini kerana mereka ingin membuat persediaan awal serta inginkan pendedahan berhubung kerjaya yang akan mereka ceburi. Hal yang sama turut ditegaskan oleh Crites (1989) yang menyatakan, pemilihan kerjaya adalah satu keputusan yang paling penting dalam kehidupan apabila individu mula memikirkan untuk memasuki dunia pekerjaan. Bagi menjawab persoalan kajian ketiga iaitu pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di daerah Muar, Johor dari segi faktor kerjaya, nilai purata min 3.80 adalah pada tahap yang tinggi. Analisis mendapati terdapat item yang berada pada tahap sederhana dan tinggi bagi persoalan kajian ini.

Hasil analisis item 15, "Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian berkaitan dengan kerjaya yang saya cita-citakan", mencatat min pada tahap tinggi iaitu 3.70 di mana 83.7 peratus bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan majoriti pelajar yang memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian kerana berkaitan dengan cita-cita mereka. Ini menjadi satu faktor yang penting kepada pelajar kerana dengan memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian mereka akan mendapat pendedahan awal tentang kerja dan bidang yang akan mereka ceburi. Pernyataan ini disokong oleh Suradi (1998), adalah penting bahawa anak-anak muda diberikan maklumat tentang pekerjaan agar membuat persediaan awal sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Sekiranya mereka tidak diberikan maklumat yang sebenar dan hanya mendengar dari sumber yang salah dikhuatiri mereka gagal menyesuaikan diri dan seterusnya gagal untuk bekerja dengan baik dan sempurna.

Di samping itu, item 27, "Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian memberikan peluang kepada saya untuk menjadi usahawan yang berjaya", memperolehi min tertinggi iaitu 3.95 pada tahap tinggi di mana 95.3 peratus bersetuju menyatakan bahawa kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian memberikan peluang kepada mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya. Kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian merupakan salah satu kursus yang menawarkan kemahiran yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan harian pelajar. Ini menjadi satu kelebihan kepada pelajar yang mengikuti kursus ini kerana apabila mereka tamat belajar, mereka bukan sahaja memperolehi ilmu akademik tetapi turut memperolehi ilmu kemahiran.

Dengan adanya ilmu kemahiran ini, peluang mereka di masa hadapan adalah cerah kerana dengan adanya kemahiran yang dipelajari ini membantu mereka menjalankan perniagaan atau perusahaan yang boleh mendatangkan pulangan dan keuntungan. Ini selaras dengan pendapat Zakaria (1994), pendidikan dan latihan vokasional dikira baik apabila dapat menyediakan peluang pekerjaan pada pelajar apabila tamat pengajian mereka di sekolah. Proses pendidikan dan latihan vokasional mengamalkan konsep yang sama seperti mana situasi pekerjaan yang sebenar termasuk penggunaan pelbagai peralatan untuk tujuan kemahiran. Oleh itu, penyesuaian kepada situasi kerja yang sebenar perlu diterapkan kepada pelajar supaya amalan tersebut dapat dipraktikkan apabila mereka menceburi bidang pekerjaan.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor kerjaya merupakan faktor yang paling mempengaruhi pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian. Pernyataan ini adalah berdasarkan nilai min yang telah diperolehi iaitu 3.80 berada pada tahap tinggi. Faktor ini juga merupakan faktor yang mencatatkan min tertinggi berbanding faktor-faktor yang lain. Oleh itu, pelajar haruslah membuat pemilihan yang tepat berhubung kursus yang ingin diikuti. Ini penting kerana pemilihan yang betul dan tepat akan membantu dan memudahkan pelajar di masa hadapan.



#### 5.4 Faktor Sikap Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Pakaian

Sikap memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan atau kecemerlangan seseorang individu dalam bidang yang diceburi. Pelajar yang tekun dan mempunyai sikap yang baik akan berjaya dalam pelajarannya. Sikap yang baik ini juga dapat melahirkan insan yang berpotensi dan cemerlang dalam pencapaian akademiknya (Abdul Fatah, 2001). Kenyataan ini turut disokong oleh Syarifah Alawiyah (1989), beliau menyatakan bahawa sikap merupakan keadaan manusia yang bertindak secara positif atau negatif terhadap orang lain, idea atau sesuatu kejadian. Sikap adalah perasaan, tingkah laku, pendapat atau penilaian terhadap persekitaran. Ia berubah-ubah dari segi keadaannya iaitu boleh positif atau negatif. Bagi menjawab persoalan kajian keempat iaitu pemilihan kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian di daerah Muar, Johor dari segi faktor sikap, nilai purata min 3.64 adalah berada pada tahap sederhana. Analisis mendapati terdapat item yang berada pada tahap sederhana dan tinggi bagi persoalan kajian ini.

Analisis item 20 “Saya sentiasa ingin mempelajari sesuatu perkara yang baru”, memperoleh nilai min iaitu 3.49 pada tahap sederhana di mana 23.3 peratus tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir pelajar yang bersikap negatif apabila mengikuti kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian. Sikap pelajar yang tidak berusaha melakukan sesuatu perubahan menyebabkan mereka sukar untuk mencapai kejayaan. Pelajar seharusnya menanamkan sikap inginkan sesuatu yang baru apabila memilih untuk mengikuti kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian. Ini kerana kursus ini memberi kebebasan kepada pelajar semasa dalam proses penghasilan projek amali. Selaras dengan pernyataan Lindquist (1990) yang dipetik dalam Abdullah (1999), menyatakan bahawa sikap akan mempengaruhi kesediaan dan kesungguhan untuk belajar dan pelajar yang mempunyai keyakinan sendiri yang tinggi akan sentiasa bersikap positif.

Item 28 menunjukkan nilai min pada tahap sederhana iaitu 3.65 di mana 16.3 peratus responden tidak bersetuju bahawa mereka bersedia untuk menerima cabaran dalam bidang yang baru manakala terdapat 2.3 peratus responden yang tidak pasti. Pelajar seharusnya bersikap terbuka dan bersedia menerima cabaran di dalam setiap bidang yang ingin diceburi bagi membantu mereka memajukan diri mereka sendiri. Sekiranya pelajar tidak bersedia menerima cabaran maka pelajar ini akan ketinggalan dan sukar untuk mencapai kejayaan. Ini sejajar dengan kenyataan Shahabudin (2003), sifat bertanggungjawab menyebabkan wujudnya keazaman yang tinggi dalam diri pelajar tersebut. Oleh itu, pelajar yang mempunyai sifat sabar dan terbuka menunjukkan kesediaan mereka terhadap tanggungjawab mereka untuk menghasilkan sesuatu projek yang berkualiti serta memperoleh gred yang cemerlang.

Secara keseluruhan, hasil dapatan menunjukkan bahawa pengaruh sikap kurang mempengaruhi pelajar untuk memilih kursus Rekaan dan Jahitan Pakaian kerana berada pada tahap sederhana iaitu nilai min 3.64. Oleh itu, pelajar perlulah sedar bahawa sikap mereka dapat mempengaruhi pencapaian cemerlang mereka. Sikap positif dapat membentuk disiplin diri dan boleh berjaya dalam hidup. Pernyataan ini disokong oleh Hanafi (1999), untuk berjaya dengan cemerlang dalam apa bidang sekalipun, 70 hingga 90 peratus usaha perlulah datang daripada sikap dalam diri pelajar itu sendiri.

## REFERENCES

- Abdullah Mat Rashid (1999). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Sikap Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Johor Terhadap Matapelajaran Teknologi Kejuruteraan*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana. Muda. Tidak Diterbitkan.
- Abd. Fatah Hassan (2001). *Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ailis Meran (1997). *Faktor yang Mendorong Pelajar Dalam Pemilihan dan Mengikutim Kursus Ekonomi Rumah Tangga, Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Aminudin Tukiman (1997). *Meninjau Permasalahan Di Kalangan Pelajar Perempuan Sekolah Menengah Terhadap Mata Pelajaran K.H-K.M Di Daerah Batu Pahat, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braker (1982). *Shop a Laboratory*. New York: New York of Education
- Chan, Siew Lian (1991) *Prospek Pelbagai Lulusan SPVM Tahun 1987*. Universiti Teknologi Malaysia: Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Crites J. (1989). *Vocational Psychology the Study of Vocational Behavior And Development*. London. Mc: Craw Hill Book Company.
- Ee Ah Meng (1996). *Sekolah Dan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hanafi Jasman (1999). *Salah Tanggapan Tentang Konsep Elektrik Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Enam Rendah Di Daerah Kluang , Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Hamimah Othman (2000). *Minat Pelajar Perempuan Terhadap Komponen Kemahiran Manipulatif, Kemahiran Hidup Bersepadu - Satu Tinjauan Di Sek. Men. Di Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Haryati Mohamad (2003). *Persepsi Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Negeri Johor Terhadap Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional Landskap Dan Nurseri*.Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Frederick Herzberg, Bernard Mausner, Barbara Bloch Snyderman (1966). *The Motivation to Work*. New Brunswick, New Jersey: Transaction Pub
- Kamarudin Ibrahim (1990). *Tanggapan Pelajar-Pelajar Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. (MLVK) Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Sikap & Minat*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Kerlinger, Fred N (1994). *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt,Rinehart and Winston.
- Khashiatul-Fauziah Hamzah (2003). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Remaja Melayu Di Daerah Batu Pahat*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai : Tesis Sarjana Muda.
- Lee Shok Mee (1992). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- L. R. Gray (1996). *Achieving Assessment Goals Using Evaluation and Techniques*. San Francisco: Jossey-Bass
- Masria Ahmad Sayuti (2006). *Persepsi Dan Minat Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tenang Stesen Daerah Segamat Terhadap Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Mohmad Kadir Abdullah (1994). *Pandangan Pel. & Pensyarah Mengenai Pengurusan & Keselamatan Dalam Bengkel Kej. Awam Di 3 Buah Politeknik Malaysia (Bengkel*

- Kerja Paip*). Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Asas Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh dan Zaidatun (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 12.0 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing
- Newable dan Cannon (1989). *Teaching Practical and Labotary Classes*. Asian Education and Training.23, m.s 18-21.
- Nur Hafiza Hamzah (2003). *Analisis Kesilapan Dan Salah Konsep Dalam Tajuk Litar Asas Bagi Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik. Satu Tinjauan Ke Atas Pelajar Tingkatan 4 Pengajian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Sek. Men. Teknik*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Penawaran Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik Harian. (2003, 23 April). *Berita Harian*, m.s. 18.
- Pendidikan Vokasional Penjana Tenaga Mahir. (2001, 31 Oktober). *Utusan Malaysia*, m.s.25.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2003). *Plan Induk MPV di Sekolah Harian Bagi Tahun 2002 – 2003*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Robiah Sidin (1993). *Pendidikan Malaysia : Cabaran Masa Depan*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Roshidah Mat Rashid (2001). *Aplikasi Kompenen Ekonomi Rumah Tangga (ERT) Dan Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT) Dalam Kehidupan Sehari-hari Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Shahabudin Hashim (2003). *Psikologi Pembelajaran dsn Personaliti*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1989). *Psikologi Pendidikan II*. Petaling Jaya, Logman Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Mazizah Mohd Yasin (2001). *Tinjauan Terhadap Tahap Keupayaan Pihak Sekolah Menguruskan Bengkel Teknologi Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Akademik Di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Suradi Sarikon (1998). *Hubungan Antara Iklim Sekolah dengan Prestasi Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia, Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Saharudin Misni (1994). *Penyediaan Kelengkapan Bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu Bagi Mencapai Keberkesanan Proses Pengajaran Pembelajaran Dari Persepsi Pelajar- Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Yahya Emat (1996). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Malaysia*. Selangor Darul Ehsan : IBS Shd Bhd.
- Zainon Daud (2003). *Kesesuaian Bengkel Kemahiran Hidup Untuk Program Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Harian Dan Di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Zakaria Ahmad (1994). *Merancang Kejayaan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.